

BAB 2

SEJARAH PENDIDIKAN NUŞŞ ADABIYYAT DI YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK)

2.1 Pendahuluan

Pada dasarnya pendidikan di negeri Kelantan telah bermula pada awal tahun 1900 lagi, iaitu dengan tertubuhnya sekolah “al-Madrasah al-Muhammadiah” atau “Madrasah Muhammadiyah” (Melayu) pada 5 Ogos 1917 bersamaan 7 Syawal 1335 Hijrah. Manakala dari tahun 1930 - an sehingga perang dunia kedua pada bulan Disember 1941, sebanyak tiga buah sekolah telah ditubuhkan di negeri ini.

Mohamed bin Hj. Abdul Rahman (1994 : 22) penyelia kepada penulis pula menerangkan bahawa selepas itu, telah muncul beberapa buah sekolah lagi yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya. Antaranya ialah :

- i. Madrasah Arabiah di Pasir Mas.
- ii. Madrasah Yaakobiah di Nipah Bachok.
- iii. Madrasah al-Amir Indera Petra, Beris Kubur Besar, Bachok

Kini, sekolah-sekolah agama di Kelantan bertambah dan ditadbir dengan lebih baik di bawah tadbiran Yayasan Islam Kelantan. Ia merupakan sebuah institusi ugama kerajaan negeri yang diamanah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti di bidang pendidikan Islam dan pengajian bahasa Arab di kalangan rakyat negeri Kelantan. Mengikut risalah taklimat ringkas YIK (Jan. 2000 : 01), pada asalnya YIK telah ditubuhkan pada 1 Julai 1979, seterusnya untuk memperkemas dan melicinkan lagi urusan pentadbiran, institusi ini dipinda sekali lagi menerusi Enakmen Kelantan Bilangan 8/1982 (berkuatkuasa pada 1 Mac 1983) dan dinamakan Yayasan Islam Kelantan (YIK) seperti yang ada pada masa sekarang ini.

Bilangan sekolah-sekolah di bawah tadbiran YIK pada masa kini berjumlah 88 buah, iaitu 17 buah sekolah Menengah Ugama (Arab) Kerajaan Kelantan (SMU(A)KK) dan 71 buah Sekolah Menengah Ugama (Arab)(SMU(A)) Bantuan Kerajaan Kelantan. Berdasarkan penerangan yang telah dijelaskan oleh Tuan Haji Che Kamaruddin Kamel bin Che Muhammad , Penolong Pengarah Kurikulum Arab & Agama; beliau menerangkan bahawa sekolah-sekolah agama YIK dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu : Sekolah Menengah Ugama (Arab) Kerajaan Kelantan dan Sekolah Menengah Ugama (Arab) Bantuan Kerajaan

Kelantan. YIK telah menggunakan serampang dua mata dalam sistem kurikulumnya, iaitu Kurikulum Agama & Arab dan Kurikulum Akademik (umum)

2.2 Sejarah Pendidikan Nuṣūṣ Adabiyyat di Yayasan Islam Kelantan.

Pendidikan di Yayasan Islam Kelantan (YIK) merupakan lanjutan daripada pendidikan terawal yang telah diperkenalkan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sebelum ini. Begitu juga dengan mata pelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah agama sekarang, juga merupakan rentetan daripada mata pelajaran sebelum ini .

Begitulah juga halnya dengan mata pelajaran Nuṣūṣ Adabiyyat ia mempunyai sejarah pendidikannya tersendiri. Untuk tujuan tersebut, penulis telah berjaya menemui sejarah pendidikan tersebut melalui dua cara, iaitu :

I. Temubual

Penulis telah berjaya menemubual beberapa orang bekas pelajar sekolah agama Kelantan sebelum YIK ditubuhkan; antaranya ialah :

1. Ustaz Ishak Abas

Beliau merupakan bekas pelajar Jamie Merbau Al-Isma'eli pada tahun 1947 hingga 1955. Beliau memberi pendapat bahawa pendidikan Nuṣūṣ Adabiyyat di YIK sebelum ini boleh dikatakan tidak terdapat dalam bentuk buku seperti sekarang ini, cuma tenaga pengajar terdahulu telah memilih beberapa petikan nusus untuk diajarkan kepada para pelajar. Pelajaran ini diajar dengan lebih tersusun sehinggalah kehadiran Ustaz Hassan Idris yang telah meletakan sukanan tertentu untuk mata pelajaran ini. Jadi jelas beliau sejarah pendidikan mata pelajaran ini pada asasnya tidak wujud secara khusus sebelum ini tapi kini telah wujud dalam bentuk yang lebih tersusun dan baik sama ada sukanan yang telah diperkenalkan oleh Ustaz Hassan Idris ataupun yang telah diberikan oleh Ma'ahad Bū'ūth Al-Azhar.

2. Ustaz Zakaria Mohamed

Beliau merupakan bekas pelajar Maahad Muhammad, Jalan Merbau sekitar tahun awal lapan puluhan dan kini beliau telah menjawat jawatan Penolong Pengarah, Unit Penilaian dan Peperiksaan YIK, berpendapat bahawa sejarah pendidikan mata pelajaran ini di YIK adalah lanjutan daripada sukanan pelajaran yang telah diperkenalkan oleh pihak MAIK pada tahun 1971 dengan menggunakan buku “ Mukhtārāt Fi Al-Nuṣūṣ ” sebagai buku teksnya.. Pihak YIK telah menggunakan sukanan tersebut sehingga pada sesi pengajian 1993/94 , selepas itu YIK telah menerima sukanan yang telah disediakan oleh Ma⁹had Bu⁹ūth

3. Ustaz Mat Noor Su

Beliau adalah bekas pelajar yang telah menggunakan sukanan pelajaran yang telah diperkenalkan oleh pihak MAIK dan juga bekas Penolong Pengarah Pendidikan Sarawak dan Pemangku Pengetua, Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri (sebelum diambil alih oleh Kerajaan Kelantan) menjelaskan :

"Pendidikan Nuṣūṣ telah diajar secara umum di pondok-pondok tradisional Kelantan sebelum ia dijadikan mata pelajaran di sekolah-sekolah agama Kelantan khususnya ia dikenali sebelum ini dengan nama "Mahfuzat".

Berdasarkan kepada kenyataan daripada ketiga-tiga bekas pelajar sekolah agama Kelantan sebelum ianya dikenali dengan nama YIK kini , jelaslah kepada kita bahawa sejarah pendidikan mata pelajaran Nusus Adabiyat sebelum ini memang telahpun wujud tetapi tidak tersusun dalam bentuk buku seperti sekarang ini dan juga dengan menggunakan nama yang lain seperti yang telah diterangkan oleh saudara Ustaz Mat Noor Su.

II. Sukatan Pelajaran

Seperti yang telah dimaklumi bahawa YIK ditubuhkan menerusi Enakmen Kelantan Bilangan 8/1982 (berkuatkuasa pada 1 Mac 1983) tetapi sukatan pelajaran untuk sekolah-sekolah di bawah tadbirannya masih lagi menggunakan sukatan yang digubal oleh Ustaz Hassan Idris . Penulis telah berusaha bagi

mendapatkan sukanan yang terawal bagi YIK dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, bahawa sukanan pelajaran di YIK adalah kesinambungan daripada sukanan yang telah diperkenalkan oleh pihak MAIK. Di sini, penulis ingin mengemukakan sukanan yang telah diperkenalkan oleh MAIK itu . Sukanan itu disusun dan dikemukakan oleh Ustaz Hassan Idris, Pegawai Pelajaran MAIK ketika itu pada 11 Ogos 1970 bersamaan 09 Jamadil Akhir 1390 Hijrah untuk kelulusan pihak MAIK dan ianya telah diluluskan oleh pihak berkenaan pada 15 Ogos 1970 untuk digunakan oleh sekolah-sekolah arab ugama negeri Kelantan pada tahun 1971. Mengikut Ustaz Hassan bin Haji Idris dalam pra kata buku sukanan itu (sila lihat lampiran 2)

*“Sukanan pelajaran bahasa Arab dan pelajaran Ugama
sebagaimana terkandung dalam buku ini adalah diuntukkan bagi
darjah peralihan hingga tingkatan Empat iaitu kelayakan bagi
memasuki peperiksaan Sijil Rendah Ugama (S.R.U) manakala
sukanan pelajaran bahasa Arab dan Ugama bagi tingkatan Lima
hingga Enam disediakan dalam buku lain ”*

Kalau diperhatikan dalam buku sukatan pelajaran yang telah disusun oleh Ustaz Hassan Idris itu, khususnya bagi tingkatan Empat, mata pelajaran Nuṣūṣ Adabiyyāt digabungkan dengan mata pelajaran Muṭāla‘at serta peruntukkan masa hanya dua waktu dalam seminggu. Ini bererti masa yang diperuntukkan untuk mata pelajaran Nuṣūṣ hanya satu waktu seminggu dengan tajuk puisi sebanyak 16 tajuk, prosa 2 tajuk dan teks al-Quran 2 tajuk. Peruntukan masa tersebut adalah tidak mencukupi pada pandangan penulis

Dalam buku sukatan pelajaran yang telah disusun oleh Ustaz Hassan Idris juga tidak menjelaskan dengan detail tajuk-tajuk yang akan diajar oleh guru dalam proses pembelajaran dan pengajaran mereka, cuma dijelaskan beberapa garis panduan yang perlu diambil oleh mereka ketika mengajar dan memilih teks-teks Arab. (sila lihat lampiran 2)

Manakala dalam sukatan yang telah disediakan oleh Ma‘had Bu‘ūth, telah dijelaskan dengan secara terperinci tentang tajuk-tajuk yang akan diajar oleh para guru, sama ada tajuk-tajuk untuk pembelajaran sahaja ataupun tajuk-tajuk untuk pembelajaran dan hafalan. (sila lihat lampiran 3).

Dari segi mata pelajaran dan pembahagian masanya pula , mata pelajaran Nusus Adabiyyat digabungkan dengan mata pelajaran Adab , ini berlainan dengan sukatan yang diperkenalkan oleh MAIK, iaitu dengan menggabungkannya dengan mata pelajaran Mutala^cah. Peruntukan masa adalah sama bagi kedua-dua mata pelajaran ini, iaitu dua masa seminggu.

Penulis berpendapat bahawa peruntukan masa yang diberikan tidak mencukupi dan tidak sesuai dengan tajuk-tajuk dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut. Masa bagi setiap satu waktu hanya selama 35 minit.

Di sini jelaslah kepada kita bahawa sejarah pendidikan Nuṣūṣ Adabiyyat di YIK telah lama berjalan dengan sukatan pelajaran yang berbeza mengikut keperluan semasa dan ia sangat penting bagi menjamin pelajar keluaran YIK mempunyai matlamat dan dasar yang jelas mengenai akademik dan kesusasteraan khususnya Nuṣūṣ Adabiyyat.

2.3 Jenis- Jenis Nuṣūṣ Adabiyyat (نصوص أدبية) Di dalam Kurikulum Di Sekolah-Sekolah Agama Kelantan (YIK)

Nuṣūṣ Adabiyyat merupakan salah satu cabang ilmu dalam kesusasteraan Arab. Apabila kita memerhatikan pada perkataan Nuṣūṣ Adabiyyat, maka tergambarlah kepada kita bait-bait puisi atau baris-barisnya.

Sebelum melangkah dengan lebih jauh perbincangan mengenai jenis-jenis Nuṣūṣ Adabiyyat di dalam kurikulum di sekolah-sekolah agama Kelantan, eloklah dilihat dahulu tentang takrif atau pengertian mengenai Nuṣūṣ :-

i- Takrif

Mengikut Kamus Dewan (1992:1316) Nusus atau teks bermaksud :

*kata-kata asli oleh pengarangnya (bukan terjemahan,
ulasan ringkasan dari asalnya) atau petikan dari sebuah
kitab suci (yang dijadikan rujukan dan lain-lain) atau
kandungan buku yang utama (tidak termasuk catatan dan*

lain-lain) atau tulisan yang dijadikan pokok syarahan dan lain-lain.

Mengikut Kamus Al- Munjid (muka surat 810):Naskh-jama^c Nuṣūṣ bermaksud :

perkataan yang membawa satu makna atau yang tidak membawa pertakwilan.

Kamus Mufjam Al-Wasiit (1973 : 926) Naṣ bermaksud :

perkataan asal yang diucapkan oleh pengarang, ia tidak membawa kecuali satu makna atau tidak membawa kepada pentakwilan.

Kalau diperhatikan di dalam kurikulum di YIK, jenis-jenis Nuṣūṣ Adabiyya^d yang terdapat di dalam sukanan pelajaran YIK dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu;

- 1) Puisi (شعر).
- 2) Prosa (مسرحيات).

Nuṣūṣ Adabiyyat adalah rangkaian puisi atau prosa yang terpilih serta yang dihasilkan oleh para sasterawan pada masa hayatnya. Ia merupakan hasil seni yang indah, terkandung dalamnya berbagai-bagai ciri keindahan dan kehalusan seni dari segi makna , nilai , idea, bahasa dan lain-lain lagi.

Sebelum membicarakan dengan lebih lanjut lagi mengenai tajuk ini, kita perhatikan makna bagi puisi dan prosa.

i) Puisi.

Secara umumnya puisi dapat didefinisikan sebagai satu bentuk percakapan yang indah, terikat dengan wazan (وزن) dan qafiah (قافية). Walaupun begitu ada baiknya kita perhatikan definisi-definisi yang telah diberikan oleh beberapa tokoh yang terkenal di dalam bidang kesusastraan Arab.

Mengikut Dr.Mohamad Mohamad Khalifah (1991:10), beliau mendefinisikan puisi sebagai;

“ satu seni yang indah, asasnya adalah perkataan yang diwazan, berqafiah, lahir dari perasaan, menggambarkan

tentang makna dan khayalan serta memberi kesan terhadap perasaan pembaca dan pendengar serta naluri mereka”.

Osman Khalid pula (1987 : 56) mendefinisikan puisi sebagai;

“ hasil sastera yang terikat dengan ikatan nada, irama imaginasi dan sebagainya”.

Beliau juga memberikan beberapa definisi yang diberikan oleh para pengkaji sastera; antaranya al-Qādī al-Jurjānī yang menakrifkan puisi sebagai salah satu ilmu pengetahuan bangsa Arab, di dalamnya terkandung unsur seperti kreatif dan kepintaran yang menjadi teras kepadanya. Bagi Qudamah bin Jaafar, puisi merupakan rangkaian kata-kata yang mempunyai wazan dan qafiah yang menggambarkan sesuatu idea. Seorang pengkaji Barat yang bernama Stadmon memberikan pengertian puisi sebagai bahasa imaginasi yang mempunyai irama yang dilahirkan dari makna dan idea. Manakala Aristotle menyatakan pendapatnya tentang puisi iaitu bentuk perkataan yang menarik yang terkandung di dalamnya unsur-unsur imaginasi

Menurut Safian Hussain dan kawan-kawannya (262:1988) menyatakan puisi sebagai;

" istilah yang digunakan untuk pelbagai bentuk pengucapan yang berirama, di lahirkan melalui tanggapan yang penuh imaginatif daripada seseorang penulis atau penyair".

Kesimpulan dari beberapa definisi yang dikemukakan di atas ialah sesungguhnya puisi dibentuk daripada perkataan-perkataan yang indah, memberi kesan ke atas pembaca, mempunyai qafiah dan beberapa ciri penting seperti isi, bentuk, kesan, timbangan, nilai dan sebagainya.

2. Prosa.

Ia merupakan salah satu cabang ilmu kesusastraan. Peranannya tidak kurang pentingnya dari peranan yang dimainkan oleh puisi . Pada pendapat Osman Bin Hj Khalid (121 : 1987) prosa membawa maksud hasil sastera yang bebas dan tidak terikat dengan ikatan-ikatan yang terdapat di dalam puisi,

walaupun kadang-kadang ada didapati unsur-unsur irama di dalam karya-karya prosa.

Zainal Abidin Hj .Abd. Kadir (1987 :01) pula menyatakan prosa sebagai perkataan yang diucapkan yang tidak terikat penuturnya dengan wazan dan qafiah, dan hanya menjaga keselamatan kandungan (isi) dan percakapan.

Bagi Safian Hussain dan kawan-kawannya (1988: 260) mengatakan bahawa prosa bermaksud semua bentuk penulisan atau pengucapan yang tidak mempunyai corak atau irama yang tertentu. Prosa dihasilkan secara sedar dan bukan hanya sekadar merupakan pengumpulan kata-kata sahaja, atau menyenaraikan idea-idea atau sekadar satu katalog objek-objek tertentu.

Dari definisi-definisi yang dikemukakan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa prosa merupakan hasil sastera yang indah dan tidak terikat dengan mana-mana ikatan yang terdapat di dalam puisi samada wazan ataupun qafiah

2.4 Sukatan Pelajaran Nuṣūṣ Adabiyyat

Sukatan pelajaran Nuṣūṣ Adabiyyat bagi tingkatan Empat di sekolah-sekolah YIK terbahagi kepada dua jenis atau bentuk iaitu :

- i) puisi (al-sy'ir)
- ii) prosa (al-nathr).

Puisi yang dipelajari di tingkatan Empat hanya tertumpu kepada dua zaman sahaja, iaitu :

- i) Zaman Jahiliah.
- ii) Zaman Permulaan Islam.

Kajian yang dijalankan ini hanya tertumpu kepada tingkatan Empat dan dalam bidang al-Sy'ir (puisi) sahaja. Nuṣūṣ Adabiyyat di peringkat ini, iaitu di tingkatan Empat atau di peringkat awal Thanawi (أول ثانوي) hanya terdapat sepuluh tajuk sahaja. Buku yang digunakan pula bertajuk “Al-Adab Wa Al-Nuṣūṣ” (الآداب والنحو ص) karangan Dr.Mohamad Mohamad Khalifah.

Jika dilihat pada sukatan yang dikemukakan oleh pihak al-Azhar memanglah menimbulkan sedikit kesulitan kepada para pelajar di negara ini, tetapi ia dapat di atasi dengan usaha pihak YIK yang telah menempatkan guru-guru yang berkelayakan dan berkebolehan untuk mengajar di sekolah-sekolah bawah tadbirannya. Memandangkan kepada sukatan yang sedikit membebankan ini , pihak YIK melalui Unit Kurikulumnya telah menentukan tajuk-tajuk yang perlu dipelajari oleh para pelajar.(Lihat lampiran 4)

Para pelajar dikehendaki menghafal sebahagian nusus-susus atau puisi-puisi tersebut. Di antara nusus-nusus yang perlu dihafal oleh para pelajar ialah:

a) Tujuh bait daripada puisi Al-Nâbighat Al- Dhubyâniy

Tajuk : Fi al- 'itidhâr Wa al-Madhi

(في الاعذار والمدح)

b) Tujuh bait daripada qasidat 'Antarat

Tajuk : Fil Harb.

(في الحرب)

c) Empat belas bait daripada qasidat Ka^cab bin Zuhair

Tajuk : Fi Madhil Rasul.

(فِي مدح الرسول)

d) Sebelas bait daripada puisi Khansa

Tajuk : Fil Rathāā'

(في الرثاء)

e) Tiga belas bait daripada puisi Hassan bin Thabit

Tajuk : Fi Madhi Al-Rasūl Wa al-Sahābat

(في مدح الرسول والصحابه)

2.5 Kesimpulan

Keterangan-keterangan yang dinyatakan di atas, menjelaskan kepada kita bahawa pendidikan di Yayasan Islam Kelantan telah melalui proses kemajuan semenjak dari dahulu sehingga sekarang ini. Proses perkembangan dan kemajuannya itu berlaku di dalam dua aspek, iaitu pembangunan fizikal dan kurikulum dan ko kurikulumnya. Dengan ini tidak hairanlah kepada penulis dan juga masyarakat, bahawa kecenderungan dan minat masyarakat hari ini untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah agama khususnya di negeri ini.